

PENERBITAN KARYA KESUSASTERAAN MELAYU DI PENERBIT UKM

MOHAMAD SALLEH SULIEMAN
Universiti Kebangsaan Malaysia
sallesuliean@gmail.com

SAADAH JAFFAR
Universiti Kebangsaan Malaysia
saadah@ukm.edu.my

ABSTRAK

Penerbit UKM telah mencipta nama dalam bidang penerbitan ilmiah terutama sekali dalam genre buku dan jurnal. Artikel ini bertujuan menilai sejauh mana sumbangan dan peranan Penerbit UKM terhadap perkembangan bidang kesusasteraan Melayu di UKM. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan Katalog Buku Penerbit UKM 2011 yang dijadikan sebagai panduan data dan maklumat. Data ini kemudiannya diasingkan mengikut dua kategori iaitu karya akademik dan karya kreatif. Data diasingkan dalam jadual, carta dan graf bagi memudahkan analisis. Dapatan kajian membuktikan angka penerbitan karya kesusasteraan Melayu masih kecil jika dilihat dalam tempoh 40 tahun Penerbit UKM ditubuhkan. Selain itu, penerbitan karya akademik dan karya kreatif kesusasteraan Melayu menunjukkan ketidakseimbangan yang ketara. Dapatan ini diharap dapat membantu Penerbit UKM mengoptimumkan peranannya sebagai penerbit universiti dalam memperkasakan kesusasteraan Melayu melalui penerbitan ilmiah.

Kata kunci: penerbitan; Penerbit UKM; karya kreatif; karya akademik; kesusasteraan Melayu

THE PUBLISHING OF MALAY LITERATURE WORKS AT UKM PRESS

ABSTRACT

Penerbit UKM has always been regarded as one of the most respected scholarly publishers especially in the genre of academic books and journals. This article aims to assess the extent of the contribution and role of Penerbit UKM to the advancement of Malay Literature within the university context. This research was conducted by using 2011 Catalogue Book as a guide to retrieve further information. Data and information were classified in two categories; scholarly books and creative works. Data and information were separated into tables, charts and graphs to help facilitate the analyses. The findings tend to support that given the considerable forty years of its establishment, Penerbit UKM's contribution is evidently not sufficient. Besides, there is an evident imbalance between the publishing of scholarly books and creative works. These finding are expected to optimize the role of Penerbit UKM as a university press in promoting Malay Literature through scholarly publications.

Keywords: publishing; Penerbit UKM; creative works; academic works; Malay literature

PENDAHULUAN

Menurut Mohd Ali Kamaruddin (2006: 1), penubuhan sebuah universiti kebangsaan adalah jawapan yang paling tepat pada kekalutan sistem pendidikan di negara ini pada masa itu atas beberapa sebab. Pertama, pelajar dari sekolah kebangsaan yang layak akan berpeluang meneruskan pelajaran di peringkat yang lebih tinggi. Kedua, masalah kekurangan guru yang berkebolehan mengajar dalam bahasa Melayu akan dapat diatasi kerana maktab-maktab perguruan yang sedia ada menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar. Ketiga, martabat bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan akan dapat diperkukuh dan dimantapkan kerana universiti kebangsaan ini akan menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar.

Pada 18 Mei 1970, sebuah universiti kebangsaan dengan nama Universiti Kebangsaan Malaysia atau UKM akhirnya ditubuhkan secara rasmi. Oleh kerana masalah lokasi yang berlaku, Maktab Perguruan Persekutuan Kuala Lumpur sebagai kampus sementara sebelum berpindah ke Bangi. Naib Canselor pertama ialah Dr. Rashdan Baba manakala Pendaftar UKM pertama ialah Encik Abdullah Salleh. Universiti Kebangsaan Malaysia memulakan sesi pertamanya dengan bilangan pelajar sebanyak 190 orang dengan tiga buah fakulti pertama yang ditubuhkan iaitu Fakulti Sastera, Fakulti Sains dan Fakulti Pengajian Islam (Rahimah Abdul Aziz, 2005).

Menurut Sham Sani (2008: 79), Pejabat Penerbit UKM ditubuhkan serentak dengan penubuhan UKM pada tahun 1970. Penubuhan Pejabat Penerbit UKM adalah selari dengan dasar penubuhan UKM iaitu mengangkat bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dan pembelajaran di universiti dalam penerbitan ilmiah dengan menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Selepas penubuhannya, Penerbit UKM ditadbir oleh Jawatankuasa Penerbitan Universiti dan dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Akademik. Pejabat ini juga diketuai oleh Ketua Penerbit bersama beberapa kakitangan yang lain.

Dasar dan Citra Penerbitan Ilmiah (2005) adalah satu garis panduan atau peraturan yang diamalkan oleh Penerbit UKM dalam karya-karya terbitannya. Dasar ini telah dikuatkuasakan pada tahun 1972 setelah diluluskan dalam mesyuarat Jawatankuasa Penerbitan UKM pada tahun 1971. Satu perkara yang menarik tentang dasar penerbitan ini adalah kerelevannya mengikut arus semasa. Penerbit UKM tetap mempertahankan dasar ini walaupun masa berubah. Dengan adanya dasar ini, misi dan visi Universiti Kebangsaan Malaysia dapat dijelmakan melalui penerbitan. Dasar-dasar tersebut adalah seperti berikut:

1. segala penerbitan buku, majalah (jurnal) dan sebagainya yang akan diusahakan dalam UKM harus disalurkan melalui Penerbit UKM;
2. supaya pihak Universiti mengusahakan penerbitan dalam bentuk monograf, majalah (jurnal) serta bahan-bahan pengajaran dan pelajaran untuk kegunaan para pelajar dan tenaga pengajar;
3. supaya penerbitan UKM boleh dikeluarkan dalam bahasa Melayu dan Inggeris;
4. tujuan yang lebih penting dalam usaha penerbitan UKM bukan mencari keuntungan bahkan untuk memajukan dan menyebarkan ilmu pengetahuan;
5. untuk memenuhi hasrat Perlembagaan Universiti Bahagian 1 Ceraian 4 (1) (h): menubuhkan suatu percetakan Universiti dan menerbitkan buku-buku dan bahan-bahan lain.

Dasar ini dengan jelas menyentuh beberapa perkara. Pertama, Penerbit UKM dianggap pusat yang bertanggungjawab dalam memikul tugas penerbitan universiti. Walau bagaimanapun, adalah menjadi tanggung jawab pihak-pihak lain seperti institut dan fakulti

membantu Penerbit UKM merealisasikan harapan ini. Kedua, karya terbitan Penerbit UKM mengutamakan penerbitan dalam bahasa Melayu. Namun, seiring dengan perkembangan zaman, bahasa Inggeris juga diberi ruang. Walau apapun, penerbitan buku-buku dan juga yang lain akan menjadi rujukan para pelajar universiti ini dan universiti lain.

BUKU DALAM KONTEKS PENERBIT UKM

Menurut konteks Penerbit UKM pula, buku ialah alat komunikasi yang mengandungi maklumat yang ditulis secara teratur dan bertaut dalam bahagian atau bab yang diterbit dan dicetak dengan satu piawai dan teredar untuk tatapan pembaca sarannya. Piawaian yang dimaksudkan ialah satu sistem untuk memastikan kualiti buku diletak pada aras yang sepatutnya. Sebagai contoh, Penerbit UKM menjadikan *The Chicago Manual of Style* sebagai panduan penyuntingan manuskrip.

Walaupun bagaimanapun, takrifan ini hanya menyentuh aspek kandungan sebuah buku tanpa mengira aspek-aspek lain yang menyumbang kepada konsep buku. Konsep buku sepatutnya mengambil kira faktor-faktor lain seperti proses penerbitan, kepengarangan, editorial, pemasaran dan pembaca. Dalam era teknologi maklumat kini, buku tidak boleh lagi didefinisi dari aspek fizikal saja kerana kini sudah ada buku dalam bentuk maya (elektronik) atau digital di mana pembaca tidak perlu bersusah payah membeli buku di kedai dan membawanya dalam bentuk fizikal.

Buku telah diberi takrifan yang luas dan pelbagai mengikut konteks dan tujuan yang tertentu. Unesco telah menetapkan sebuah buku terdiri daripada lembaran-lembaran kertas bercetak yang digabung menjadi bentuk jilidan, berkulit lebih tebal dan teks yang berbeza, lebih daripada 49 halaman, diterbit bukan dalam masa yang ditentukan, mengandungi 50 naskhah yang sama dan terbuka untuk dijual dalam pasaran (Hamed Mohd. Adnan, 2007: 2).

Berbalik kepada isu buku dalam konteks Penerbit UKM, gaya penerbitan yang diguna pakai oleh Penerbit UKM adalah berpandukan *The Chicago Manual of Style*. Gaya ini menjadi amalan yang konsisten bermula dari muka depan buku sehinggalah ke halaman belakang muka surat atau *blurb*. Buku terbitan Penerbit UKM juga harus mempunyai sekurang-kurangnya 48 halaman teks. Selain itu, gaya rujukan, sebutan dan penaipan teks diselaraskan mengikut manual ini. Dari aspek judul pula, ia bersifat langsung dan tidak terlalu panjang, padat dan menarik perhatian pembaca.

KARYA AKADEMIK SASTERA DI PENERBIT UKM

Buku ilmiah mengandungi penulisan ilmiah. Sivachandralingam (2001:1) berhujah bahawa penulisan ilmiah adalah penulisan yang dijalankan secara saintifik, di mana kaedah ini berteraskan kepercayaan bahawa mana-mana fenomena mempunyai keterangan tertentu iaitu tiap-tiap kesan mempunyai sebab tersendiri. Dengan kata lain, kaedah saintifik menghapus sikap wenang dengan menuntut pengarang melakukan penyelidikan. Penyelidikan yang dijalankan berupa penyelidikan pustaka, laboratorium atau penyelidikan lapangan (Ali Sastrohoetomo, 1969:13).

Oleh itu, buku ilmiah atau karya ilmiah yang diterbitkan oleh Penerbit UKM adalah penulisan ilmiah yang dijalankan melalui penyelidikan atau pengkajian mengikut prosedur dan metodologi saintifik. Secara asasnya, penulisan ilmiah mengandungi permasalahan, objektif,

teori dan kesimpulan. Semua langkah ini dilakukan secara sistematik dan teratur bagi menjamin mutu yang tinggi.

Menurut Roosfa Hashim (2011:26) sebuah karya dianggap ilmiah jika membentangkan satu pokok persoalan kajian baru dalam sebuah tulisan asli nukilan seorang pengarang atau beberapa pengarang yang berwibawa dan tulisan itu distrukturkan dalam bentuk yang formal dan piawai serta ditulis berdasarkan hasil penyelidikan, diwasit oleh rakan sejawat dan diterbitkan oleh sebuah penerbit yang berwibawa.

Jika mengikut takrifan yang diberikan seperti di atas, sememangnya Penerbit UKM telah lama mengamalkannya. Bidang penerbitan ilmiah dan Penerbit UKM sangat erat seperti isi dengan kuku. Penerbitan buku-buku ilmiah di Penerbit UKM mempunyai signifikasinya yang tersendiri. Buku-buku ilmiah banyak menyumbang pada perkembangan Penerbit UKM sebagai sebuah penerbit ilmiah terkemuka pada peringkat tempatan mahupun antarabangsa. Pertumbuhan dan perkembangan fakulti, institut dan pusat kecemerlangan turut berperanan dalam pemerolehan manuskrip.

Bidang kesusasteraan Melayu turut memberi sumbangan besar pada Penerbit UKM. Karya yang disumbangkan oleh pengarang adalah dalam bentuk manuskrip mentah yang terdiri daripada laporan cuti sabbatical, hasil penyelidikan ataupun tesis yang ditulis pada peringkat ijazah sarjana atau kedoktoran dalam bidang persuratan Melayu. Perkara ini dapat dilihat pada beberapa buah siri yang menerbitkan buku-buku sastera Melayu.

Manakala Siri Rampai Bahasa dan Sastera Melayu dibangunkan secara spesifik bagi menampung sejumlah terbitan dalam bidang bahasa dan sastera Melayu. Senarai siri sumbangan terbesar buku-buku sastera Melayu ini datangnya dari Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK) dan diikuti oleh Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA). Walau bagaimanapun mengikut rekod penerbitan terdapat juga pengarang yang bukan warga UKM yang sudi untuk menulis karya bersama dengan Penerbit UKM.

JADUAL 1: Siri Rampai Bahasa dan Sastera Melayu

Judul	Pengarang	Tahun
<i>Persuratan Melayu: Tradisional ke Moden</i>	Sahlan Mohd. Saman & Shaiful Bahri Md. Radzi. (sunt.)	2005
<i>Isu-isu Pendidikan, Bahasa, Sastera dan Psikologi di Malaysia</i>	Norizan Abdul Razak, Rozainee Khairudin & Ravichandran Vengadasamy (sunt.)	2006
<i>Sentuhan Rasa & Fikir dalam Puisi Melayu Tradisional</i>	Noriah Mohamed	2006
<i>Bahasa dan Kepimpinan: Analisis Wacana Mahathir Mohamed</i>	Idris Aman	2006
<i>Linguistik Melayu</i>	Zulkifley Hamid, Ramli Md. Salleh & Rahim Aman (sunt.)	2007
<i>Komedi dalam Trilogi Drama Zakaria Ariffin</i>	Rosna Mohd. Khalid	2007
<i>Asas Kebudayaan dan Kesenian Melayu</i>	Anwar Din (sunt.)	2008
<i>Linguistik: Teori dan Aplikasi</i>	Nor Hashimah Jalaluddin, Imran Ho Abdullah & Idris Aman (sunt.)	2007
<i>Aspek Nahu Praktis Bahasa Melayu</i>	Zaharani Ahmad (sunt.)	2008

<i>Linguistik Bandingan Bahasa Bidayuhik</i>	Rahim Aman	2008
<i>Pantun Peranakan Baba: Mutiara Gemilang Negeri-negeri Selat</i>	Ding Choo Ming	2008
<i>Kelopak Pemikiran Sastera Melayu Bahasa Korea</i>	Siti Hawa Haji Salleh Rou Seung Yoan & Kim Keum Hyun	2009 2009
<i>Novel Intertekstual Melayu</i>	Mawar Shafei	2010
<i>Unsur Alam dalam Puisi Melayu Moden</i>	Zurinah Hassan	2010
<i>Analisis Wacana</i>	Idris Aman	2010
<i>Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu</i>	Juriah Long (sunt.)	2010
<i>Kepelbagaian Dimensi Linguistik</i>	Nor Hashimah Jalaluddin, Mohammad Fadzeli Jaafar & Harishon Radzi (sunt.)	2011
<i>Aksen Bahasa Kebangsaan: Realiti Identiti Integrasi</i>	Idris Aman (sunt.)	2011
<i>Sosiolinguistik dan Bahasa Melayu</i>	Abdul Rashid Daing Melebek & Amat Juhari Moain	2011
<i>Seksualiti dalam Novel Melayu</i>	Mohd. Zariat Abdul Rani	2011

Dalam Jadual 2, disenaraikan karya akademik sastera Melayu yang diterbitkan seawal 1977 sehingga kini.


JADUAL 2: Senarai Buku Akademik Kesusasteraan Melayu

Judul	Pengarang	Tahun
<i>Tradition and Change in Contemporary Malay Indonesia Poetry</i>	Muhammad Hj. Salleh	1977
<i>Esei dan Kritikan Drama</i>	Mana Sikana	1983
<i>The Malay Islamic Hikayat</i>	Ismail Hamid	1983
<i>Tok Awang</i>	Mana Sikana	1983
<i>Esei-esei dan Kesusasteraan</i>	Mana Sikana	1984
<i>Arah Pemikiran Sastera Malaysia</i>	S. Othman Kelantan	1987
<i>Tradisi Lisan Masyarakat Semai</i>	Juli Edo	1990
<i>Puitika Sastera Melayu</i>	Muhammad Hj Salleh	1992
<i>Malay Characters in Malaysian Novels in English</i>	Zawiah Yahya	1994
<i>Hamzah Hussin: Sekitar Pemikiran Seni untuk Seni</i>	Athi Sivan Mariapan	1997
<i>Antara Kampung dan Kota: Rural Bias in the Novels of Shahnnon Ahmad</i>	Ungku .Maimunah Mohd. Tahir	1998
<i>Lagu Dodoi Melayu Patani</i>	Nureeyan Salleh	1999
<i>Raja Aisyah Sulaiman: Pengarang Ulung Wanita Melayu</i>	Ding Choo Ming	1999
<i>Shahnnon Ahmad: Islam, Power And Gender</i>	Harry Aveling	2000

<i>Seni Persembahan Drama Melayu Moden</i>	Mohamad Nazri Ahmad	2000
<i>Wacana Wanita Melayu dan Sastera</i>	Rosnah Baharuddin	2003
<i>Out of Shadows: Women in Malay Court Narratives</i>	Ruzy Suliza Hashim	2003
<i>Nilai Sastera Ketatanegaraan dan Undang-undang dalam Kanun Syarak Kerajaan Aceh dan Bustanus Salatin</i>	Abdullah Sani Usman	2005
<i>Isu Pendidikan dan Pembangunan Novel Insan Melalui Novel</i>	Misran Rokimin	2006
<i>Persuratan Melayu: Tradisional ke Moden</i>	Sahlan Mohd. Saman & Saiful Bahri Md. Radzi	2006
<i>Isu-isu Pendidikan Bahasa, Sastera dan Psikologi di Malaysia</i>	Norizan Abdul Razak, Rozaini Khairudin & Ravichandran Vengadasamy	2006
<i>Sentuhan Rasa dan Fikir dalam Puisi Melayu Tradisional</i>	Noriah Mohamed	2006
<i>Kritikan Sastera Melayu: Antara Cerita dengan Ilmu</i>	Ungku.Maimunah Mohd. Tahir	2007
<i>Komedi dalam Trilogi Drama Zakaria Ariffin</i>	Rosna Mohd Khalid	2007
<i>Pantun Peranakan Baba: Mutiara Gemilang Negeri-negeri Selat</i>	Ding Choo Ming	2008
<i>Kelopak Pemikiran Sastera</i>	Siti Hawa Haji Salleh	2009
<i>Reading Approaches in Malay Literature: Critical Theory in The Making</i>	Zawiyah Yahya	2010
<i>Novel Intertekstual Melayu</i>	Mawar Shafei	2010
<i>Unsur Alam dalam Puisi Melayu Moden</i>	Zurinah Hassan	2010

Senarai ini berjumlah sebanyak 29 buah buku. Pada dekad 1970-an, hanya sebuah buku berkaitan dengan sastera Melayu diterbitkan iaitu pada 1977. Buku tersebut berjudul *Tradition and Change in Contemporary Malay-Indonesia Poetry* dan dikarang oleh Muhammad Hj Salleh dan ditulis dalam bahasa Inggeris. Sumbangan beliau dalam penulisan ilmiah diteruskan lagi apabila terhasilnya sebuah buku bersempena dengan Syarahan Perdana beliau yang berjudul *Puitika Sastera Melayu* pada tahun 1992. Seorang lagi penulis yang pernah menyumbangkan penulisannya ialah SN S. Othman Kelantan dengan bukunya yang berjudul *Arah Pemikiran Sastera Malaysia* (1987). Walau bagaimanapun, beliau tidak lagi menghasilkan sebarang penerbitan buku dengan Penerbit UKM selepas itu.

Seterusnya, perkembangan penerbitan karya akademik kesusasteraan Melayu dapat diperincikan dengan lebih mendalam seperti dalam Carta 1. Perkembangan ini ditandai dengan penerbitan sebuah karya pada dekad 70-an dan seterusnya bertambah sehingga hari ini.



CARTA 1: Penerbitan Buku Ilmiah Sastera Mengikut Dekad

Dalam Carta 1, peningkatan yang dapat dilihat adalah ketara iaitu pada dekad 70-an (1), dekad 80-an (5), dekad 90-an (7) dan sepanjang tahun 2001-2010 (16). Sumbangan terbanyak ini datangnya dari siri Rampai Bahasa dan Sastera Melayu diikuti dengan siri Buku Teks Sains Sosial dan Kemanusiaan. Senarai ini mengandungi sebanyak 29 buah buku. Pada dekad 1970-an, hanya sebuah buku berkaitan dengan sastera Melayu diterbitkan iaitu pada 1977. Buku tersebut berjudul *Tradition and Change in Contemporary Malay-Indonesia Poetry* dan dikarang oleh Muhammad Hj. Salleh dan ditulis dalam bahasa Inggeris. Sumbangan beliau dalam penulisan ilmiah diteruskan lagi apabila terhasilnya sebuah buku bersempena dengan syarahan perdana beliau yang berjudul *Puitika Sastera Melayu* pada tahun 1992.

Seorang lagi penulis yang pernah menyumbangkan penulisannya ialah SN S. Othman Kelantan dengan bukunya yang berjudul *Arah Pemikiran Sastera Malaysia* yang diterbitkan pada 1987. Walau bagaimanapun, beliau tidak lagi menghasilkan sebarang penerbitan buku dengan Penerbit UKM selepas itu. Kritikawan terkemuka dalam bidang kesusasteraan Melayu, Mana Sikana, telah menyumbangkan tiga buah buku dengan Penerbit UKM iaitu dua buah terbitan pada tahun 1983 dan sebuah lagi pada 1984.


Dalam dekad 80-an, peningkatan bilangan dapat dilihat walaupun jumlahnya terlalu kecil. Sebanyak empat buah karya akademik yang telah diterbitkan, begitu juga dalam dekad 90-an, peningkatan berlaku apabila jumlah angka mencecah pada enam judul karya. Peningkatan yang paling ketara berlaku pada sepanjang tahun 2000-2010 apabila 16 buah karya diterbitkan. Tahun paling banyak diterbitkan pada tahun 2010 iaitu sebanyak enam (6) buah buku diikuti dengan tahun 2006 iaitu sebanyak empat (4) buah buku.

KARYA KREATIF SASTERA MELAYU DI PENERBIT UKM

Karya Kreatif Fiksyen di Penerbit UKM

Karya kreatif mempunyai takrifan atau definisi yang lebih luas. Penulisan kreatif seringkali dikaitkan dengan karya popular seperti novel, cerpen dan puisi serta memoir kerana kandungan buku-buku tersebut lebih ringan dan santai serta mudah untuk difahami oleh pembaca. Kaedah pengarang menghasilkan penulisannya juga berbeza dengan kaedah penulisan ilmiah yang mana mereka mungkin menjadikan pengalaman peribadi dan pemerhatian sebagai hujah.

Terdapat dua kategori karya kreatif sastra Melayu yang diterbitkan oleh Penerbit UKM iaitu *kreatif fiksi* dan *kreatif bukan fiksi*. Karya kreatif fiksi tidak semestinya menjurus pada sifat popular seperti biasa ditemui dalam novel-novel picisan atau popular yang berlambakan dalam pasaran walaupun karya ini berunsurkan rekaan. Dengan erti kata lain, kategori ini menjamukan pembaca dengan karya sastra yang mencapai taraf tinggi dalam arena kesusasteraan Melayu.



RAJAH 1: Pengkategorian Karya Kreatif

Berbandukan Rajah 1 di atas, karya kreatif di Penerbit UKM boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu kreatif fiksi dan kreatif bukan fiksi. Bagi kategori kreatif fiksi, ia menampilkan beberapa buah novel, kumpulan puisi dan cerpen terjemahan. Walau bagaimanapun, penghasilan novel, cerpen atau puisi kini seakan-akan berkubur begitu saja. Penerbit UKM lebih banyak menumpukan pada penerbitan memoir di mana ia telah berjaya mengharumkan lagi namanya pada peringkat yang lebih tinggi.

Roosfa Hashim (2009: 16) mentakrifkan buku fiksi ialah karya yang dihasilkan berdasarkan rekaan semata-mata seperti novel dan cerpen sungguhpun ada novel dan cerpen digarap berdasarkan kejadian dan pengalaman sebenar. Antara contoh yang boleh didapati dalam kategori buku karya kreatif fiksi adalah dengan melihat pada novel-novel tulisan Sasterawan Negara Arena Wati. Semasa hayatnya, beliau berjaya menghasilkan 12 karya kreatif bersama Penerbit UKM. Karyanya termasuk *Memoir Arena Wati: Enda Gulingku* (1992). Memoir setebal 1000 halaman ini diulang cetak buat kali kedua pada 2010. Buku unggul ini juga menerima Hadiah Buku Kebangsaan 1992 kerana mutu kecemerlangannya. Selain itu, kategori ini memuatkan buku puisi iaitu kumpulan puisi oleh Muhammad Hj. Salleh dan sebuah lagi antologi puisi berjudul *Puisi Sains*. Kategori ini turut mengandungi cerpen terjemahan.

JADUAL 3: Senarai Karya Kreatif Fiksi di Penerbit UKM

Judul Buku	Pengarang/ Penyunting	Tahun Terbitan
<i>Perjalanan Si Tenggang II</i>	Muhammad Hj. Salleh	1975
<i>Puisi Putih Sang Kekasih</i>	Siti Zainon Ismail	1984
<i>Syair Pangeran Syarif</i>	Arena Wati	1989
<i>Syair Pangeran Syarif Hashim al-Qudsi</i>	Arena Wati	1989
<i>Syair Perang Cina di Monterado</i>	Arena Wati	1989
<i>Puisi Sains (sunt.)</i>	Abdul Razak Salleh & Baharuddin Yatim	1991
<i>Finding Hobbes</i>	R.H. Hickling	1994

<i>Rowing Down Two Rivers</i>	Muhammad Hj. Salleh	2000
<i>Trilogi Busa: Busa Kalbu</i>	Arena Wati	2002
<i>Trilogi Busa: Busa Hati</i>	Arena Wati	2002
<i>Trilogi Busa: Busa Sukma</i>	Arena Wati	2002
<i>Pegangan Pementasan Drama</i>	Kalam Hamidi	2003
<i>Armageddon: Pentagon Jilid III</i>	Arena Wati	2004
<i>Armageddon: Menorah Jilid II</i>	Arena Wati	2004
<i>Armageddon: Mandala Jilid I</i>	Arena Wati	2004
<i>Di Bawah Sinar Matahari</i>	Shaharom Husain	2004
<i>Warna Sukma Usia Muda</i>	Arena Wati	2005
<i>Nyiur Gading Puncak Mahligai: Antologi Skrip Drama</i>	Kalam Hamidi	2006
<i>Cakra Waruga</i>	Arena Wati	2006
<i>Buruan Dosa: Antologi Cerpen Terjemahan Pilihan 1961-71</i>	Yusuf Zaky	2006
<i>Bintang Bukan Saja di Langit</i>	Hamzah Hussein	2006
<i>Seuntai Kata</i>	Jaharah Nordin	2010
<i>Alif: Koleksi Cerpen Jorge Luis Borges</i>	Zakaria Mohd. Ali (Terjemahan)	2011

Seterusnya, Jadual 4 menunjukkan penerbitan karya kreatif fiksyen kesusasteraan Melayu di Penerbit UKM sepanjang empat dekad. Bermula pada dekad 70-an, hanya buku puisi saja yang telah diterbitkan sebanyak sebuah penerbitan. Sepanjang dekad 80-an, tiada penerbitan karya kreatif yang dijalankan di Penerbit UKM. Manakala pada dekad 90-an, Penerbit UKM telah menerbitkan sebuah novel dan puisi. Hanya pada sekitar 2000- 2010 barulah penerbitan karya kreatif fiksyen benar-benar aktif. Penerbitan terbanyak adalah novel (9 buah), diikuti semi-popular (5 buah). Penerbitan cerpen dan puisi pula adalah sebanyak 2 buah penerbitan bagi setiap kategori.

JADUAL 4: Penerbitan Karya Kreatif Fiksyen di Penerbit UKM

Dekad	Novel	Puisi	Cerpen	Semi-Popular
70-an	-	1	-	-
80-an	-	-	-	-
90-an	1	1	-	-
2000-2010	9	2	2	5

Bagi genre puisi, satu-satunya puisi berbahasa Melayu, yang juga karya asli adalah *Perjalanan Si Tenggang II*, karya Muhammad Haji Salleh. Selain judul tersebut, beliau turut menghasilkan puisi dalam bahasa Inggeris berjudul *Rowing Down Two Rivers*. Buku *Puisi Sains* adalah sebuah karya suntingan, manakala *Seuntai Kata Seindah Bahasa* adalah koleksi pantun-pantun Melayu lama.

Penerbitan karya kreatif fiksyen di penerbit UKM ditandai pada tahun 1975. Namun penerbitan karya berikutnya hanya diterbitkan pada tahun 1984. Sepanjang dekad 80-an dan 90-an juga tidak banyak penerbitan karya kreatif fiksyen yang diterbitkan. Namun sepanjang tahun 2000-2010, Penerbit UKM kembali giat menerbitkan buku-buku dalam genre ini.

Karya Kreatif Bukan Fiksiyen di Penerbit UKM

Seterusnya ialah karya kreatif bukan fiksiyen atau *creative non-fiction* adalah kategori karya yang bersifat prosa dan berlatarkan fakta tetapi disampaikan dengan cara yang lebih lembut dan mudah dengan tujuan mengikat minat pembaca agar terus menikmati karya itu. Untuk menjadikan karya kreatif bukan fiksiyen lebih menarik unsur-unsur kesusasteraan dimasukkan oleh pengarang dengan sengaja seperti penggunaan metafora dan sebagainya. Joseph Satin memberikan definisi karya jenis ini sebagai berikut:

Non-fiction prose is both the workhorse of the communicative world and the vehicle of some man's most sublime statement and exalted thought.

(Joseph Satin, 1964: 1)

David Morley pula menyifatkan karya kreatif bukan fiksiyen sebagai:

...deals with realities truthfully- experiences, events, facts- yet the drive of the writing is the author's involvement in the story, and writers use every literary device in the book to tell that story well.

(David Morley, 2007: 177)

Pengarang menjadikan karya kreatif bukan fiksiyen sebagai wadah menyampaikan idea dan pandangan mereka dengan cara atau gaya yang lebih bebas dan kreatif dan digabungkan dengan elemen-elemen sastera. Dalam menentukan sama ada kebenarannya, beberapa aspek perlu diambil kira seperti topik/judul, kandungan, perkara atau individu yang terlibat dalam penulisan tersebut. Sebagai contoh, Raja Muhammad ialah tokoh yang membangunkan FELDA, Tun Abdul Razak bekas Perdana Menteri Malaysia ke-2, Jins Shamsudin pelakon terkenal dan A. Samad Ismail pula tokoh dalam bidang kewartawanan.


Dalam konteks kajian ini, karya kreatif yang telah dikenal pasti sebagai bukan sastera datangnya dari Siri Memoir dan Biografi. Siri ini menyajikan karya pengarang dan tokoh ternama yang mengungkapkan riwayat hidup mereka dari pelbagai perspektif, antaranya: politik, pendidikan, peperangan, perfileman dan jurnalisme. Ini dapat dilihat seperti dalam Jadual 5 di bawah.

JADUAL 5: Siri Memoir dan Biografi

Judul	Pengarang	Tahun
<i>Memoir A. Samad Ismail di Singapura</i>	A. Samad Ismail	1993
<i>Memoir Politik Asri: Meniti Arus</i>	Mohd. Asri Muda	1993
<i>Memoir Shaharom Husain: Selingkar Kenangan Abadi</i>	Shaharom Husain	1996
<i>Memoir Pak Sako: Putera Gunung Tahan</i>	Ishak Hj. Muhammad	1996
<i>Memoir of Takao Fusuyama: A Japanese Soldier in Malaya and Sumatera</i>	Takao Fusuyama	1997
<i>Memoir Abdul Halim Nasir: Dari Kampung Sekolah ke Menara Gading</i>	Abdul Halim Nasir	1998
<i>Biografi Jins Shamsudin: Suria Kencana</i>	Mohd. Zamberi A. Malik	1998
<i>Memoir of a Wayward Lawyer</i>	Hickling R. H	2000
<i>Memoirs of Khatijah Sidek: Puteri Kesateria Bangsa</i>	Khatijah Sidek	2001
<i>Memoir Kalam Hamidi: Dari Panggung Victoria ke Istana Budaya</i>	Kalam Hamidi	2001
<i>Memoir Penghulu Dato' Zainal Abidin Lati</i>	Harun Johari	2002

<i>Fatamorgana: Kembara dari Nusantara ke Eropah</i>	Kalam Hamidi	2003
<i>Memoir Hamzah Hussin: Dari Keris Filem ke Studio Merdeka</i>	Hamzah Hussin	2004
<i>Memoir Shamsiah Fakeh: Dari AWAS ke Rejimen ke-10</i>	Shamsiah Fakeh	2004
<i>Memoir Ibrahim Chik: Dari API ke Rejimen ke-10</i>	Ibrahim Chik	2004
<i>Memoir Khatijah Sidek: Puteri Kesatria Bangsa</i>	Khatijah Sidek	2004
<i>Memoir Ahmad Boestamam: Merdeka dengan Darah dalam Api</i>	Ahmad Boestamam	2004
<i>Ghazalie Shafie's Memoir on the Formation of Malaysia</i>	Ghazalie Shafie	2004
<i>Dari Menara Gading ke Mercu Korporat: Biografi Rashdan Baba</i>	UKM	2004
<i>Memoir Abdul Majid Salleh: Dalam PKMM dan Kesatuan Buruh</i>	Abdul Majid Salleh	2004
<i>Biografi Dato' Onn: Hidup Melayu</i>	Anwar Abdullah	2004
<i>Memoirs of Yusof Hashim: From the Pacific to the Atlantic</i>	Yusuf Hashim	2005
<i>Memoir Zurinah Hassan: Menjejak Puisi</i>	Zurinah Hassan	2005
<i>Biografi Tengku Muhammad Dawud Beureueh</i>	Hasanuddin Yusuf Adan	2005
<i>Memoir Yang Quee Yee: Penyusun Kamus Anak Penoreh</i>	Yang Quee Yee	2005
<i>Dari ADO ke CEO: Biografi Tun Abdullah Salleh</i>	Harun Johari dan Salleh Yusoff	2007
<i>Memoir Johari Salleh: Tegar Meladeni Industri Muzik</i>	Johari Salleh	2008
<i>Memoir Mohamed Salleh Lamry: Guru Melayu Terakhir</i>	Mohamed Salleh Lamry	2009
<i>Raja Muhammad Alias: The Architect of FELDA</i>	Rokiah Talib	2009
<i>Harimau Malaya: Biografi Tengku Mahmood Mahyidden</i>	Mohd. Zamberi A. Malek	1999
<i>Memoir Rashidah Ismail: Pendeta Za'ba dan Kisah Silam</i>	Rashidah Ismail	2009
<i>Biografi Aminuddin Baki: Arkitek Pendidikan Negara</i>	Rozeman Abu Hassan	2010
<i>Biografi Tun Abdul Razak: Negarawan dan Patriot</i>	Nik Anuar Nik Mahmud, Muhammad Haji Salleh dan Abd. Ghapa Harun	2011

Berdasarkan Jadual 5 di atas, terdapat 33 buah memoir dan biografi yang dikategorikan dalam kelompok kreatif bukan fiksyen. Penerbitan siri Memoir dan Biografi memberikan wajah baru kepada Penerbit UKM. Siri penerbitan ini diusahakan dengan aktif sejak 1993 sehingga kini.



CARTA 2: Perkembangan Penerbitan Memoir dan Biografi

Dalam Carta 2 di atas, perkembangan penerbitan memoir dan biografi telah menunjukkan kecenderungan yang positif. Sejak awal lagi, pengwujudan Siri Memoir dan Biografi yang diusahakan oleh Penerbit UKM sedikit sebanyak memberikan impak positif kepada perkembangan kesusasteraan Melayu. Selain menyumbang kepada pertambahan bilangan penerbitan, siri memoir dan biografi mendedahkan kehidupan dan kejayaan tokoh-tokoh terkemuka di Malaysia untuk dinikmati khalayak pembaca. Menurut Saadah Jaafar dalam Shaharom TM Sulaiman (2005), beliau menegaskan melalui penerbitan memoir dan biografi UKM, akan ditemui berbagai aneka warna sorotan pelbagai watak dan latar belakang kehidupan tokoh dan pemimpin.

Genre memoir atau biografi memainkan peranannya yang tersendiri di mana genre ini bertindak sebagai perakam maklumat dan sejarah yang mampu memperkaya khazanah untuk diwariskan kepada generasi akan datang. Genre ini, menurut Shaharom TM Sulaiman (2005), memiliki ruang tersendiri yang sekali gus dapat berfungsi sebagai pembenaran atas realiti sejarah suatu bangsa. Hal ini terjadi kerana mereka memang berada dalam kurun waktu tertentu, menjadi saksi mata peristiwa-peristiwa besar mahupun kecil yang sentiasa mempunyai signifikan sejarah.

DAPATAN KAJIAN


Sehingga tahun 2010, sebanyak 667 penerbitan buku telah diterbitkan melalui 24 siri yang diwujudkan. Jumlah penerbitan ini merangkumi bidang sains sosial dan sains teknologi, serta meliputi pelbagai subjek, tema dan isu semasa. Daripada 667 terbitan, penerbitan bagi buku dalam bidang sains sosial adalah sebanyak 492 penerbitan, manakala 175 penerbitan adalah dari bidang sains teknologi.

Sehingga kini, Penerbit UKM telah menerbitkan lebih seribu penerbitan termasuk buku dan jurnal. Jumlah ini pastinya akan bertambah dari semasa ke semasa memandangkan permintaan untuk menerbitkan karya di Penerbit UKM semakin tinggi selain usaha yang giat dijalankan oleh bahagian pengurusan dan pentadbiran. Kajian ini, walau bagaimanapun, mendapati penerbitan dalam bidang kesusasteraan Melayu jauh ketinggalan berbanding dengan bidang-bidang sains sosial lain seperti geografi, sosiologi dan ekonomi. Beberapa penemuan utama dapat disimpulkan seperti di bawah:

Bilangan Penerbitan dalam Bidang Kesusasteraan Melayu Masih Kecil

Kajian ini dengan jelas menemukan bahawa penerbitan karya kesusasteraan Melayu masih terlalu kecil jika hendak dibandingkan dengan disiplin ilmu lain. Contohnya, daripada tahun 1977 sehingga tahun 2010, buku akademik kesusasteraan Melayu yang telah diterbitkan oleh Penerbit UKM hanya sebanyak 29 judul penerbitan. Jumlah ini hanya meliputi 4.35% daripada keseluruhan jumlah penerbitan buku ilmiah yang diterbitkan oleh Penerbit UKM.

Carta 3 menggambarkan senario ini dengan lebih jelas. Dalam pada itu, karya kreatif fiksyen mencapai 21 penerbitan manakala karya kreatif bukan fiksyen pula adalah sebanyak 33 penerbitan menjadikan jumlah kedua-duanya sebanyak 54 judul terbitan. Penerbitan karya kreatif (fiksyen dan bukan fiksyen) melebihi penerbitan buku akademik kesusasteraan Melayu dengan perbezaan jumlah penerbitan sebanyak 25 judul. Jurang yang jauh ini wujud memandangkan penerbitan karya memoir dan biografi lebih banyak dibuat serta mendapat sambutan yang menggalakkan dalam pasaran.



CARTA 3: Perbandingan Antara Ketiga-tiga Genre Dalam Kategori Buku Kesusasteraan Melayu

Penerbitan Karya Akademik dan Kreatif Kesusasteraan Melayu Tidak Seimbang

Berdasarkan sumber daripada jadual dan carta yang dinyatakan sebelum ini, Penerbit UKM tidak memastikan keseimbangan genre akademik dan kreatif dilaksanakan dalam penerbitan buku-buku kesusasteraan Melayu. Beberapa senario dapat dijadikan ukuran untuk dijadikan sebagai perbandingan. Penerbitan karya kreatif fiksyen seperti novel, cerpen dan puisi yang pernah dilaksanakan penerbitannya tidak konsisten. Sehingga tahun 2010, hanya sejumlah kecil terbitan karya fiksyen iaitu 21 judul. Sebaliknya, Penerbit UKM memberikan lebih tumpuan pada karya kreatif bukan fiksyen iaitu buku memoir dan biografi. Penerbitan karya genre ini dilihat mendominasi genre karya kreatif secara keseluruhannya semenjak ia diwujudkan 20 tahun yang lalu berbanding karya kreatif fiksyen yang lebih lama bertapak di Penerbit UKM.

Ketidakseimbangan ini sedikit sebanyak mencacatkan wajah penerbitan karya kesusasteraan Melayu di Penerbit UKM.

KESIMPULAN

Secara umumnya, dapat dilihat bahawa Penerbit UKM sememangnya berusaha keras menerbit dan memartabatkan pelbagai jenis karya sama ada terbitan berbentuk ilmiah mahupun yang berbentuk kreatif. Persaingan dengan genre lain serta permintaan penerbitan amat mempengaruhi karya kesusasteraan Melayu yang dijalankan oleh Penerbit UKM. Dari satu aspek yang lain, kepelbagaian genre penerbitan ini memperlihatkan keseriusan Penerbit UKM mengangkat martabat ilmu dalam bidang-bidang yang terdapat di UKM. Semua tenaga pengajar yang mempunyai kemahiran dalam pelbagai bidang di UKM sememangnya dialu-alukan untuk menerbitkan karya mereka. Buku-buku yang diterbitkan menunjukkan ketokohan, keilmuan dan keserjanaan seseorang tenaga pengajar tersebut di pentas ilmu. Walau bagaimanapun, usaha perlu dipertingkatkan lagi demi memartabatkan bidang kesusasteraan Melayu dan nama Penerbit UKM di seluruh dunia.

RUJUKAN

- Ali Sastrohoetomo. 1969. *Karangan ilmiah: Suatu penuntun menulis laporan dan skripsi*. Jakarta: Pradnja Paramita.
- Dasar dan citra penerbitan ilmiah*. 2005. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hamed Mohd. Adnan. 2007. *Memahami penerbitan buku*. Bangi: Medium Publications.
- Mohd Ali Kamaruddin. 2006. *Universiti Kebangsaan Malaysia: Sejarah penubuhan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Morley, David. 2007. *The Cambridge introduction to creative writing*. United Kingdom: The Cambridge University Press.
- Rahimah Abdul Aziz. 2005. Ilmu Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia. *Akademika*, 1 (66), 3-13.
- Raja, S.Sivachandralingam. 2001. *Pemikiran dan penulisan ilmiah*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Roosfa Hashim. 2009. *Menulis ulasan buku untuk akhbar majalah dan jurnal ilmiah*. Kuala Lumpur: Pustaka Yamien.
- Roosfa Hashim. 2011. *Pembangunan jurnal ilmiah Malaysia 1847-2007*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Satin, Joseph. 1964. *Reading non-fiction prose*. Boston: Houghton Mifflin Company.
- Shaharom TM Sulaiman. 2005. Khazanah memoir bertambah di Malaysia. *Utusan Malaysia*, Disember: 26.
- Sham Sani. 2008. *Setanggi pemikiran*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- t.p. *Katalog Buku Penerbit UKM 2011*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Biodata Penulis:

Salleh Sulieman

Penulis merupakan Eksekutif (Pentadbiran) di Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang pengkhususan beliau ialah kesusasteraan Melayu.

Saadah Jaafar

Penulis merupakan Ketua Pegawai Penerbitan yang bertugas di Penerbit UKM. Bidang pengkhususan beliau ialah Bahasa Melayu.